

Pakaian Adat Wanita Minangkabau

(Bahagian Satu)

Oleh SITI ZAINON ISMAIL

DALAM adat Minangkabau, pakaian merupakan harta pusaka yang dilibatkan dalam upacara adat istiadat, sistem kekerabatan, falsafah dan kepercayaan. Dalam konteks adat, *Bunda Kandung* mendapat tempat utama. Melalui sistem kekerabatan yang bersifat *matrilineal*, imej *Bunda Kandung* yang meneraju rumah gadang dapat dianggap sebagai teras dasar dalam beberapa bentuk perlakuan seni budaya. Bagindo Fahmy menjelaskan, seluruh alam pemikiran adat Minangkabau adalah melingkungi adat *jo pusako, nan adat laku* dan *pusako kato*. Di rumah gadang, *Bunda Kandung* diterima sebagai ketua adat, dia adalah pengawas dan dialah yang memberi kata putus apabila muafakat adat berlangsung.

Kebulatan makna ini dapat dilihat dalam pakaian dan perhiasan. *Bunda Kandung* berperanan dalam suku kaumnya. Dia harus arif dan bijaksana (tidak semua wanita boleh dianggap sebagai *Bunda Kandung*), kata-katanya didengari, "Pergi tempat bertanya, pulang tempat bercerita" atau seperti "peti *ambon puruak*" (tempat menyimpan atau pemegang harta pusaka kaumnya atau suku). Semua ini tersimpul dalam peri laku dan pakaian adat istiadat.

Tradisi imej *Bunda Kandung* dipercayai bermula daripada sistem awal pemerintahan kerajaan Minangkabau di Pagaruyung. Ketika Raja Minangkabau berangkat ke Melayu (Kerajaan Melayu Jambi) baginda telah diangkat oleh Ratu Minangkabau iaitu saudaranya *Bunda Kandung* atau Dara Jingga. Menurut Meuraxa ...' tidak seorang pun yang berani melintasinya. Melangkah bayang-bayanginya sahaja pun, orang itu bisa sakit dan mati' (Rusli, 1981:34). Dalam Tambo, *Bunda Kandung* disebut ibu Dang Tuanku (Adityawarman) dan Cindur Mata (Prapatih). Mengikuti tafsiran A.A. Navis, ketika Dara Jingga ke Majapahit, dia berkahwin dengan Raden Wijaya yang telah pun memperisterikan Dara Petak. Dara Jingga melahirkan Adityawarman. Di Minangkabau, dia mengahwini Wiswarupakumara yang mendampingi Sri Maharaja Diraja, lalu melahirkan Tun Dewa Perpatih. Kedua saudara (ibu) inilah juga dikenali sebagai Datuk Ketamangungan dan Perpatih Nan Sebatang (Navis, 1984: 12-13). Sebagai *Bunda Kandung*, dia merupakan simbol

dalam upacara adat (ibu kepada dua datuk) istiadat. Melalui pakaian rasmi, wanita yang berpengalaman seharusnya mengepalai upacara meminang, membawa cerana – sekapur sirih, dan pemberi kata putus.

Wanita dengan imej, *Bunda Kandung* diangkat sebagai pengatur dan pengendali harta pusaka, dengan julukan "*limpapeh rumah nan gadang*" yang bertanggungjawab dalam menguasai harta pusaka kaum, pakaian-pakaian adat dan kelengkapan lainnya. Seperti pakaian wanita Melayu di Nusantara, bentuk pakaian wanita Minangkabau juga terdiri daripada baju kurung, kain sarung, selendang dan tengkolok. Ini termasuklah pola dasar pakaian adat yang mempunyai pelbagai variasi, khususnya kalau dilihat dari segi bahan mahupun cara ia dihias.

Umumnya, pakaian *Bunda Kandung* dari luhak Nan Tiga (Agam, Lima Puluh Kota, Tanah Datar) khususnya di Kota Gadang, (Agam); Kota Nan Ampek (Lima Puluh Kota); Sungayang dan Padang Magek (Tanah Datar) menampakkan ciri asas pedalaman (*darek*) iaitu menggunakan warna hitam, kadang-kadang berhiaskan bunga daripada sulaman emas atau loyang kuningan bertabur. Di luhak Lima Puluh Kota, baju dipadankan dengan kain sarung *lambak ampek/babintang/palekat/bababua*. Pakaian adat wanita di Padang Magek, Sungayang menggunakan kain baldu berwarna gelap-hitam dengan hiasan sulaman tempel tanpa hiasan warna emas dengan motif pucuk rebung. Tetapi potongan baju lebih merupakan sebagai baju pendek digunting dangkal (Erman, 1984/85:32).

Perbezaan bahan dasar iaitu kain baldu atau songket *balapak* memperlihatkan ciri budaya setempat di mana tekstil utama itu dihasil. Kain *balapak* dihasilkan di Pandai Sikek, Padang Panjang, merupakan wilayah asal mulanya orang Minangkabau di kaki Gunung Merapi. Apakah tidak mungkin Padang Panjang juga menjadi simbol utama keagungan orang Minangkabau sebelum bermulanya kerajaan di Pagaruyung? Di Padang Panjang juga telah diakui sistem berpenghulu, yang diangkat oleh rakyat dengan gelaran-gelaran yang dihormati seperti *Bandaro Kayo* di Pariangan dan *Maharajo Besar* di Padang Panjang. Tidakkah menghairankan, Pandai Sikek (Pandai-tukang; Sikek-alat tenun) melahirkan

tukang tenun, sehingga wilayah ini terkenal dengan tenunan *balapak* (bunga penuh) yang digunakan dalam upacara adat istiadat.

Dengan sulaman songket daripada benang sutera asli (peliharaan ulat sutera), serta selitan benang emas dan perak sehingga luhak Tanah Datar telah melahirkan ciri identiti tersendiri, kemudian berkembang di Sungayang; atau Padang Magek mengekalkan konsep leluhur dengan warna hitam kain dasar dan hiasan tempel (seperti baju/tekstil Murut, Melanau atau kawasan pergunungan lainnya di Sumatera [Gavo]).

Tengkolok

Simbol kewibawaan *Bunda Kandung* diikuti dengan pakaian wanita lain, khususnya *Anak Daro* (pengantin baru) ialah tutup kepala yang lebih umum disebut *tengkuluak* (tengkolok). Imej rumah gadang yang didiami oleh *Bunda Kandung* dan keturunan seperut ibu, diangkat sebagai lambang asas bentuk tengkolok.

a. Tengkolok Tanduk Balapak

Tengkolok berbentuk gonjong ataupun yang lebih dikenali sebagai "tengkolok tanduk" merupakan simbol milik wanita (kaum ibu). Tengkolok tanduk juga disebut sebagai tengkolok *ihak* (ikat), sempena bagaimana ia dililit atau ikat di kepala. Bentuk susun "lilit" ikat, secara umum memperlihatkan bentuk tanduk dengan dua hujung kiri kanannya meruncing ke atas. Bahagian hujung kain *balapak* dibiarkan terjuntai (kanak) di atas bahu, manakala hujung kiri dibawa ke atas mendatar bahagian tengah tengkolok. Dataran yang terdapat di atas tengkolok melambangkan, bahawa dalam memutuskan sesuatu haruslah dengan muafakat di mana hasilnya harus adil (datar - sama rata). Kain *balapak* yang hujungnya berenda merumbai kadang-kadang berhias kepangan emas/loyang biasa dipakai oleh gadis manakala untuk wanita (ibu) tidak berumbai. Di kabupaten (luhak) Agam, kedua-dua hujung tengkolok dibiarkan lepas ke belakang hujung berumbai-umbai dan disebut "jumbai alat" melambangkan akal budi.

Tengkolok tanduk dengan menggunakan kain songket *balapak* memang berasal dari luhak Tanah Da-

tar, khususnya di daerah Batipuh Sepuluh Kota, Padang Panjang, Batusangkar dan persekitarannya. Kini diterima sebagai ciri khas Minangkabau di rantau. Di Lintau, tengkolok gonjong ini mempunyai variasi yang menarik lagi, apabila tengkoloknya ditindan lapis disebut sebagai tengkolok "Tanduk Bertingkat".

b. Tengkolok Tanduk Kompong

Tanduk Kompong ialah tanduk patah (dikompong/dipatahkan) menjadikan hujungnya tidak runcing. Proses mengikat kain panjangnya sama seperti tengkolok tanduk tetapi lilitannya berlapis tiga kali dan hujungnya dipatah ke dalam (kompong). Bahan dasar yang digunakan untuk tengkolok ini biasanya ialah kain *jao* (Jawa - batik), atau kain panjang, berumbai tenun asli dari Kota Nan Gadang, Payakumbuh (luhak Lima Puluh Kota). Warna dasar tenun Kota Nan Gadang ialah hitam atau merah dengan motif pucuk rebung (simbol kekuatan yang baru tumbuh) serta berhiaskan rumbai, dengan ukuran dua meter panjang dan satu meter lebar. Untuk melipat/ikat kain ini harus dilapik bahagian dalamnya (biasanya menggunakan kain dasar berwarna biru) bagi mengukuhkan bentuk ikatannya.

c. Tengkolok Tanduk Sarung Sapik Undang

Istilah ini lebih dirujukkan kepada bahan dasar yang digunakan, khususnya dalam pakaian adat Padang Magek Batusangkar (luhak Tanah Datar). Dipercayai kain ini berasal dari Jambi. Berbeza dengan tengkolok tanduk *balapak*, atau tengkolok kompong, tengkolok dari Padang Magek, memperlihatkan ciri-ciri tempatan yang berkait rapat dengan aktiviti harian. Bahan yang digunakan ialah tenun sutera/kapas diikat sekali dengan kain telekung.

Adat bersendi merupakan fungsi utama penggunaan tengkolok di daerah ini. Lebih tepat lagi, ia merupakan paduan ikatan kain sarung (tenun Bugis/Jambi) untuk solat dan sehelai telekung. Paduan dua warna asas (hitam/gelap - putih) memperlihatkan nilai agama di kalangan pemakainya (simbol *Bunda Kandung*). Cara melipatnya juga merupakan ikatan selapis dengan membentuk kembang di sebelah kiri berlapis antara dua jenis kain dan warna. Pengikatan yang sederhana juga disebabkan fungsi utama tengkolok ini sebagai bukan upacara adat istiadat tetapi lebih kepada asalnya untuk kemudahan beribadat. Seperti tradisi kaum masyarakat Minangkabau (khususnya wanita) yang terlibat dengan pekerjaan, bertani/berkebun di sawah/ladang atau berniaga yang selalu keluar rumah, maka adalah wajar, fungsi dan makna tengkolok ikut melambangkan kehidupan seharian. Namun dalam upacara adat seterusnya, simbol tengkolok ini terus dikekalkan.



d. Tengkolok Kambang Balapak

Tanjung Sungayang (Tanah Datar), juga menghasilkan tenunan *balapak*. Berbeza dengan songket *balapak* Pandai Sikek, songket dari Sungayang mempunyai ciri tersendiri, khususnya dengan gaya susunan *balapak* yang memenuhi bahagian pinggir dan atas bawah tetapi berhias bunga *batabua* (bertabur) di bahagian ruang tengah kain. Pemilihan warna dasar kain lebih mengarah ke warna benang emas. Ciri khas Sungayang juga terpancar melalui lipatan tengkoloknya yang meninggi datar dan tegak serta bahagian hujung kain dibiarkan jatuh ke paras bahu kanan. Ketinggian dan keluasan lipatan/bentuk tengkolok yang demikian disebut sebagai *kambang* (kembang – memancar ke atas atau luas).

Warna Tengkolok

Dalam upacara perkahwinan, *Bunda Kandung* berfungsi sebagai pengiring dan dia selalunya menggunakan tengkolok. Dari Padang Panjang, Batipuh Sepuluh Kota atau Batusangkar mengekalkan tradisi songket *balapak* dengan warna emas/perak di atas kain dasar sutera merah atau biru muda; Sungayang dengan bahan dasar gelap, hijau, hitam dengan berhiaskan sulaman/tenun benang emas berkilat. Di Payakumbuh, warna turut memberi makna kepada si pemakainya. Warna merah untuk anak dara; kuning untuk wanita berusia 25-40 tahun; biru untuk wanita berusia 40-50; kain batik atau kain *jag*/Jawa untuk wanita yang telah mempunyai cucu dan putih untuk menghadiri acara kematian atau berkabung. Di Padang Magek, tengkolok berwarna hitam melambangkan sifat *Bunda Kandung* yang tabah dan tenang menghadapi ragam kehidupan di rumah gadang.



Hiasan Kepala yang Lain

Dalam konteks tradisi, tengkolok mewakili makna *Bunda Kandung*, walaupun ia juga dipakai oleh *anak daro* (pengantin perempuan). Di luak Tanah Datar, *anak daro* memakainya sama ada dengan gaya tengkolok tanduk/bertingkat *balapak* atau *kambang-balapak*. Namun demikian, melalui proses perkembangan bahan (pengaruh luar lewat daerah pesisir pantai Barat/Timur Sumatera) muncul pula hiasan kepala, khususnya untuk *anak daro*. Hiasan yang menggunakan bahan logam emas, "Bunga Sunting" ini lebih mirip kepada bentuk mahkota. Di daerah rantau pedalaman seperti Kabupaten Solok, bentuk hiasan kepala ini mempunyai persamaan ciri dengan hiasan kepala daerah Jambi dan Riau. Begitu juga dengan mahkota *anak daro* Tanjung Sungayang yang disebut sebagai *laka-laka*. Hiasan sunting yang begitu ketara ialah di rantau pesisir khususnya Padang dan Padang Pariaman. Model yang dipamerkan di Muzium Adityawarman, Padang; Bukit Tinggi; Puri Bhakti Renatama – Jakarta, turut menampilkan pakaian *anak daro* dengan hiasan sunting. Ini dilengkapi lagi dengan peralatan budaya lainnya dalam bentuk hiasan sulaman tekat benang emas. Ciri-ciri perhiasan daripada kepingan emas dan kaca, jelas mewakili ciri tradisi agung setelah bertembung dengan beberapa unsur luar yang turun membentuk selera tempatan (seperti hiasan wanita Palembang, Jambi, Terengganu/Kedah dalam Gamelan/Tarinai; juga hiasan kepala pakaian pengantin Aceh). DB